

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, June 3, 2019 12:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kacau Bubur Lambuk Hidupkan Tradisi Rewang



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

03 JUN 2019 / 29 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KACAU BUBUR LAMBUK HIDUPKAN TRADISI REWANG



UUM ONLINE: Benarlah pepatah Melayu bulat air kerana pembetung bulat manusia kerana muafakat, berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

Usaha ini terserlah dalam budaya rewang yang diteruskan oleh warga UUM pada program Gotong-Royong Menyediakan Bubur Lambuk anjuran Kelab Jabatan Canselori dengan kerjasama Pusat Islam, baru-baru ini.

Penolong Juruaudit, Saadiah Abdul Hamid berkata, rewang sudah menjadi turun temurun dalam budaya masyarakat Melayu yang menghimpunkan ramai orang termasuk sanak saudara, kawan-kawan atau orang kampung yang berganding bahu menjayakan sesuatu majlis atau keramaian.

Dalam acara kacau bubur lambuk ini jelas dipraktikkan budaya rewang bermula daripada penyediaan bahan-bahan, rempah-ratus, proses memasak, membungkus, melayan tetamu

yang datang untuk mengambil bubur, mengemas hinggalah membasuh pinggan mangkuk, periuk dan belanga.

“Tidak kira, lelaki, wanita, muda, tua semua bekerjasama, tolong-menolong membuat persiapan sehingga selesai majlis namun pantasnya masa berlalu menyebabkan budaya rewang ini semakin ditinggalkan sedikit demi sedikit.

“Jadi usaha yang dilakukan oleh Pusat Islam saban tahun amat bagus dalam menyemai semangat berpasukan, berkasih sayang dan bersatu padu tanpa mengira bangsa dan kaum,” luahnya.

Sementara itu, Wakana Katayama, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dari Kyoto Sangyo University, Jepun yang menjalani praktikum selama empat bulan di UUM teruja dapat melihat sendiri cara memasak bubur lambuk yang sangat digemari.

“Khamis lalu, saya seronok dapat memasak bubur dan saya lihat orang Melayu sangat rapat antara satu sama lain.

“Pertama kali bertemu dengan staf UUM walaupun mereka tidak kenal saya tetapi mereka mesra menyambut dan menerima saya dan sangat ramah bercerita mengenai bubur lambuk sehingga saya rasa seperti sudah lama kenal.

“Saya tiba di dapur Pusat Islam sekitar pukul 9 pagi dan ketika itu acara memasak sudah bermula dalam cuaca yang panas bila saya mendekati sekitar periuk besar itu terasa lebih panas.

“Ini kali pertama saya melihatnya dan sangat mencabar kerana mereka berpuasa, tidak boleh minum air jika dahaga tetapi mereka boleh kacau bubur dengan senyuman dan celoteh yang menghiburkan.

“Jadi saya perlu lebih menghargai setiap hidangan kerana itulah hadiah daripada mereka yang bekerja keras membuatnya dari pagi hingga tengah hari.

“Hari-hari saya cuba berpuasa menjadikan setiap hidangan sentiasa lazat tetapi hari ini pastinya sangat enak dari hari biasa dengan adanya bubur lambuk.

“Ini suatu pengalaman hebat untuk saya terima kasih banyak-banyak kerana banyak mengajar saya tentang Malaysia, peluang yang ada dimanfaatkan sebaiknya untuk meneroka dunia baharu yang unik,” katanya.

Mengulas pengalaman berpuasa, pertama kali tidak makan dan minum di siang hari menjadi detik paling memeritkan pastinya sangat sukar baginya kerana tidak pernah berpuasa seumur hidupnya.

Alah bisa tegal biasa. Sejak berpuasa pada 2 Ramadan lalu, Wakana kini selesa untuk meneruskan puasa pada hari-hari berikutnya sesekali berbuka puasa di Masjid yang sentiasa mengalu-alukan tetamu untuk merasai suasana Ramadan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.